

1. Keusahawanan - Kebolehan dan kemampuan seseorang mencari peluang perniagaan dan mengusahakan perniagaan serta memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat. **PT3**

- a. Memenuhi Keperluan & Kehendak Masyarakat
- b. Menyumbang Terhadap Pembangunan Ekonomi
- c. Meningkatkan Taraf Hidup

2. Peranan Usahawan Di Dalam Dunia Perniagaan

1. Perbezaan antara keperluan asas dengan kehendak manusia **PT3**

KEPERLUAN ASAS	KEHENDAK MANUSIA
Diperlukan untuk terus hidup	Pelengkap kepada keperluan manusia
Terhad dan sama bagi setiap individu	Tidak terhad dan sukar dipenuhi
Mesti ada [amat penting untuk terus hidup]	Tidak semestinya ada

Bentuk dan Jenis Perniagaan

1. Milikan perniagaan yang ditubuhkan seperti milikan tunggal, perkongsian atau koperasi. **PT3**

CIRI UTAMA USAHAWAN **PT3**

1. Kreatif **PT3** – mempunyai daya cipta yang tinggi dalam menghasilkan keluaran baru **2014S1**
2. Inovatif **PT3** – sentiasa memperbaiki mutu barangan atau perkhidmatannya
3. Sanggup mengambil risiko **PT3** – semakin besar perniagaan, semakin tinggi risiko yang dihadapi,

4. Bijak merebut peluang – usahawan perlu berpandangan luas dan peka akan perkembangan dan keperluan semasa **2014S1**

5. Daya usaha yang berterusan – sentiasa gigih dan tidak berputus asa dalam mengusahakan perniagaan.

Kelebihan menjadi Usahawan

- a. Daya usaha sendiri untuk menguruskan segala perjalanann perniagaan
- b. kebebasan untuk menguruskan perniagaan
- c. Bebas membuat segala keputusan perniagaan
- d. Segala keuntungan dinikmati oleh usahawan sendiri

Bidang Kegiatan Usahawan **PT3**

	Bidang / bentuk perniagaan	Sektor	Contoh
1	Pengeluaran	Ekstratif Pertanian Perkilangan Pembinaan	perlombongan, pembalakan dan perikanan bercucuk tanam dan menternak PUTRA2015 pembuatan makanan, pakaian dan peralatan pembinaan prasarana dan alat pengangkutan
2	Perkhidmatan	Awam	polis, guru, askar, dan lain-lain
		Secara langsung	mekanik, doktor swasta, pusat tuisyen
		Perdagangan	institusi kewangan, ejen, insurans, bank
3	Pemasaran/ Agihan	Pengeluar Pemborong Peruncit Jualan Terus	pengeluar kerepek dan keropok pemborong hasil tani dan ternakan ikan kedai kraf tangan dan hiasan jurujual

PERANAN KERAJAAN DALAM MEMBANTU USAHAWAN **PT3 2015**

Bimbingan dan Latihan



Majlis Amanah Rakyat (MARA) **2014**

- membantu bumiputera dalam kegiatan perniagaan dan perindustrian dengan menyediakan **prasarana**, ruang niaga.
- memberi **bantuan kewangan** melalui skim pinjaman **MARA PT3 2015** dan lain-lain:
- Pusat Daya pengeluaran Negara (PDPN) **2015**, Pusat Latihan Belia (PLB), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)
- Bimbingan, kewangan, kemudahan, infrastruktur.

Prasarana



UDA HOLDINGS BERHAD **PT3**

- menyediakan projek di kawasan bandar
- menyediakan premis perniagaan

- menyediakan prasarana kepada usahawan
- Kawasan Perindustrian (MARA, MIDA, PKEN) -bekalan air, elektrik, dan komunikasi
- Rangkaian jalan raya (Lembaga Lebuh Raya Malaysia, JKR, pihak berkuasa tempatan)
- Peranan kerajaan seperti:
 - a. **MIDA** – memajukan dan menyelaraskan semua aktiviti pembangunan perindustrian dan perkhidmatan di Malaysia. **PT3**
 - b. **Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF)** memberi pinjaman berpenggal MIDF kepada usahawan. **PT3**
 - c. **AgroBank Malaysia** menyediakan skim bantuan kewangan – modal usahawan 1 Malaysia (MUS1M) secara konvensional dan islamik. **PT3**

Kajian dan Penyelidikan **TGN14**

Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)



- mengawal mutu barangan
- menyampaikan maklumat tentang penemuan baru dalam bidang pengeluaran kepada usahawan **PT3**

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI)



- menjalankan kajian dan penyelidikan tentang hasil keluaran pertanian **PT3**
- meningkatkan mutu keluaran hasil pertanian
- menghasilkan baka baru bagi keperluan keusahawanan tani
- memberi latihan teknologi pertanian**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



- menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai kelapa sawit
- meningkatkan mutu dan memperluaskan pasaran minyak kelapa sawit

Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM)

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Padi beras Nasional Berhad (BERNAS)

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

membuat kajian tentang hasil keluaran getah, hasil kayu-kayan, hasil pertanian, ikan dan hidupan laut serta tanaman padi

Jenis Galakan dan insentif oleh kerajaan kepada usahawan **2014S1+3**

Taraf perintis	Pengecualian cukai perniagaan selama beberapa tahun kepada syarikat baru sehingga perniagaan maju dan stabil.
Kuota	Mengehadkan jumlah barang yang diimport untuk melindungi barang tempatan daripada bersaing dengan barang import.
Duti import	Mengenakan cukai terhadap barang yang diimport untuk membantu usahawan tempatan kerana barang import akan menjadi lebih mahal

	berbanding dengan barang tempatan.
Galakan eksport	Mengurangkan atau mengecualikan cukai barang yang dieksport supaya barang tempatan dapat bersaing dengan barang di luar negara.
Embargo	Dasar pemulauan dan pengharaman terhadap barang dan perkhidmatan dari negara tertentu, contohnya dari israel.
Pinjaman Kewangan	
Bimbingan dan latihan	

PT3

KONSUMERISME

HAK DAN TANGGUNGJAWAB PENGGUNA PT3 bahagian b

1. **Hak mendapat keperluan asas**
- Meneruskan kehidupan dengan selesa
2. **Hak mendapat keselamatan**
- jaminan barang yang dibeli selamat digunakan
3. **Hak mendapat maklumat**
- diberi maklumat dan tepat untuk membuat pilihan
4. **Hak membuat pilihan**
- Kebebasan untuk memilih untuk memiliki dan menentukan barang yang diperlukan
5. **Hak bersuara 2014S2B**
6. **Hak mendapatkan ganti rugi**
- mendapat ganti rugi jika barang tidak menepati piawaian
7. **Hak mendapatkan pendidikan kepenggunaan**
8. **Hak mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat**

Tanggungjawab Pengguna PT3

Terhadap diri sendiri PT3

1. Membeli secara rasional dan bijak
2. **Membuat belanjawan diri**
3. Penglibatan dan tindakan
4. Kesedaran mengkritik berkualiti.
5. **Tanggungjawab sosial**

Terhadap masyarakat PT3

1. Bersatu padu

2. Bekerjasama dalam tindakan untuk menuntut keadilan melalui persatuan pengguna.
3. **Tanggungjawab sosial**
4. **Menjaga alam sekitar**

Terhadap Alam Sekitar PT3

1. Menjaga alam sekitar dan alam semula jadi supaya generasi akan datang dapat menikmatinya.
2. Pengguna harus bertanggungjawab terhadap alam sekitar ketika atau setelah menggunakannya.
3. Contoh: jangan membuang barang atau sampah sesuka hati

Bentuk-bentuk Penyelewengan yang dilakukan oleh Pengeluar PT3

BAHAGIAN B

Ada yang melakukan penyelewengan seperti yang berikut:

1. **Kualiti barang yang rendah.**
2. **Timbangan dan sukatan yang tidak tepat.**
3. **Harga barang yang tidak stabil iaitu**
4. **Kegiatan menyorok barang supaya bekalan barang berkurangan dan harga barang akan naik.**
5. **Barangan yang membahayakan pengguna**
6. **Maklumat yang mengelirukan. PT3**

Tanggungjawab Pengeluar Kepada Pengguna PT3

Antara tanggungjawab pengeluar kepada pengguna adalah: **PT3**

1. membeli pada harga yang berpatutan dengan memaparkan harga pada barangan dengan jelas.
2. Memberi kuantiti yang tepat seperti yang tercatat pada label bungkus.
3. Memastikan bahawa produk adalah selamat dan sesuai dengan harga yang ditawarkan.
4. Memberi segala maklumat yang tepat pada label bungkus.
5. Memastikan produk yang dikeluarkan adalah berkualiti.
6. Memastikan produk dan pengeluaran produk adalah mesra alam.

Cara membuat aduan secara terus terhadap mutu barang atau perkhidmatan yang telah dibeli: 2014S2B

1. Bawa barang dan resit sebagai bukti pembelian ke kedai atau premis peniaga
2. Berunding dengan penjual atau pengurus kedai
3. Sekiranya aduan tidak dilayan, buat aduan bertulis kepada penguatkuasa atau Persatuan Pengguna, Tribunal Tuntutan Pengguna atau Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kepentingan menjaga hak sebagai pengguna PT3

- a. Menjadi pengguna yang tidak mudah ditipu
- b. Tidak berlaku penyelewangan oleh pengeluar
- c. Menjadi individu bermaklumat
- d. Menjadi ahli masyarakat yang bersatu padu dan berwibawa

PERANAN PERSATUAN PENGGUNA [FOMCA] DAN KERAJAAN

Persatuan Pengguna 2014S1

Peranannya: **PT3**

- (a) Menerima dan menyiasat aduan dan mengambil tindakan
- (b) Menjalankan kajian dan penyelidikan terhadap barang jualan
- (c) Menyebarkan maklumat kepenggunaan melalui media massa dan majalah persatuan pengguna.
- (d) Memberi pendidikan, latihan dan kesedaran kepada pengguna melalui aktiviti, ceramah, kursus, forum, seminar dan pameran dengan kerjasama daripada agensi kerajaan.
- (e) Memberi bantuan dan khidmat nasihat.
- (f) Memberi pinjaman kewangan-Agro bank, Syarikat Jaminan Kredit Malaysia [CGC] Syarikat Permodalan Perusahaan Malaysia Berhad [MIDF]
- (g) Contoh organisasi **PT3** Gabungan persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

Peranan Kerajaan PT3 2014S3

- Kerajaan dapat melindungi pengguna dengan cara: **PT3**
- Menggubal undang-undang untuk memberi perlindungan keselamatan dan kesihatan pengguna
- Menkuatkuasakan undang-undang
- Menyelaras kepentingan pengguna melalui Majlis Penasihat. Perlindungan Pengguna Kebangsaan (MPPPK). MPPPK .

Hak Pengguna dalam Penguatkuasaan Undang-Undang **PT3 TGN14**

Akta Kawalan Harga 1946 (Pindaan 1973)	Memberi hak kepada pengguna untuk membeli barangan kawalan pada harga maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan bagi barang-barang kawalan seperti gula, susu, tepung, dan beras. PT3
Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan 1973)	Memastikan pengguna mendapat bekalan yang mencukupi dan barang mempunyai tanda harga, label, gred, kualiti, berat dan jenis barang.
Ordinan Menjual Makanan dan Dadah 1952 (Pindaan 1983)	Memastikan barang atau ubatan yang dijual menggunakan bahan kimia atau aditif yang minimum dalam proses pembuatannya dan mengawal kualiti barangan tersebut.
Akta Perihal Dagangan 1972 (Pindaan 1982) PT3	Memberi hak kepada pengguna untuk mendapat maklumat yang benar dan tepat tentang barang atau harga barang. PT3 PUTRA2015
Akta Timbang dan Sukat 1972 PT3	Memastikan alat timbangan dan sukatan yang digunakan diperakui oleh kerajaan. PT3
Akta Sewa Beli 1967 2014	Membuat peruntukan terhadap bentuk perjanjian barangan yang dibeli oleh pengguna secara ansuran. PUTRA2015 Melindungi pengguna yang membeli barang secara kredit dengan menetapkan kadar faedah yang tertentu dan memastikan pengguna tidak ditipu ketika membeli barangan sewa.
Peraturan Makanan 1985	Mewajibkan pengeluar barang makanan merandakan tarikh luput penggunaan pada label. PUTRA2015 Memastikan barang mempunyai tarikh pembuatan, tarikh habis guna, bahan yang digunakan dinyatakan dengan jelas serta sumber makanan berkenaan selamat untuk dimakan. PT3
Akta Elektrik 1973 PT3	Memastikan barang elektrik di pasaran mendapat kelulusan daripada Jabatan Bekalan Elektrik (JBE) supaya keselamatan pengguna terjamin.
Akta Label 1980 PT3	Memastikan label barang mengandungi jenama, harga, tarikh luput, nama, alamat pengeluar, kandungan bahan atau ramuan, arahan penggunaan, amaran dan petunjuk, label jelas dan mudah dibaca. PT3
Akta Mutu Alam Sekitar 1974 PT3	Mengawal pencemaran alam sekitar dengan melarang sesiapa sahaja membakar sampah sarap atau bahan buangan di kawasan terbuka